

12/03/2002

Malaysia sudah kemuka cadangan baru harga air

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia sudah mengemukakan cadangan termasuk formula baru bagi harga air kepada Singapura minggu lalu, kata Timbalan Perdana Menteri republik itu, Lee Hsien Loong.

Beliau berkata, cadangan itu dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sepucuk surat yang dihantar kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

"Menteri Kanan sudah memberi jawapan kepada Dr Mahathir dan saya fikir surat itu dalam perjalanan.

"Tetapi saya menjelaskan kepada Dr Mahathir apa yang dinyatakan Menteri Kanan (dalam surat itu)... bahawa memandangkan ini cadangan baru, kita memerlukan masa untuk mengkajinya, implikasi dan juga apa yang dimaksudkan formula kerana formula baru bagi harga air termasuk dalam surat Dr Mahathir," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di pejabatnya di sini petang ini.

Lee yang dalam rangka lawatan empat hari ke negara ini diminta mengulas mengenai perkembangan pakej itu sama ada penyelesaiannya sekarang berada di pihak Singapura atau Malaysia.

September lalu, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertanggung yang berlarutan begitu lama berikutan perbincangan antara Dr Mahathir dan Lee Kuan Yew yang melawat Kuala Lumpur ketika itu.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia ke Singapura, pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM Tanjung Pagar Singapura, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu itu, kedua-dua pihak setuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007.

Bagaimanapun, Singapura mengemukakan cadangan baru tetapi Januari lalu, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak setuju dengan tawaran baru republik itu untuk membeli air mentah dengan harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) kerana ia terlalu murah.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia sudah memberi jawapan kepada Singapura mengenai pakej isu dua hala yang berlarutan.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan Lee di pejabatnya di sini hari ini, Abdullah berkata, Malaysia berharap kedua-dua pihak dapat mengadakan pertemuan untuk membincang lanjut perkara itu secepat mungkin.

"Kita berada dalam kedudukan untuk berbincang... sesuatu yang menjadi asas kepada perbincangan dan saya rasa Singapura ingin menjawab terlebih dulu surat kita itu," katanya.

(END)